

RUJ. KAMI (OUR REF.) : UMP.02.01/10.12/2 JILID 5 (13)

RUJ. TUAN (YOUR REF.) :

18 Mac 2014

**Dekan/ Pengarah/ Ketua Jabatan
Ketua Timbalan Pendaftar/ Timbalan Pendaftar
Penolong Pendaftar Kanan/ Penolong Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang**

Tuan/Puan,

**EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 2 TAHUN 2014 : PEMBERIAN
INSENTIF KECEMERLANGAN KEPADA STAF DAN FELO YANG BERJAYA
MENAMATKAN PENGAJIAN DI PERINGKAT IJAZAH KEDOKTORAN (Ph.D)
DALAM TEMPOH DAN KURANG DARI TEMPOH YANG DITETAPKAN DI DALAM
PERJANJIAN CUTI BELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

Dengan hormatnya saya diarah menarik perhatian berhubung perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Pentadbiran UMP Bil. 2 Tahun 2014 mengenai Pemberian Insentif Kecemerlangan Kepada Staf Dan Felo Yang Berjaya Menamatkan Pengajian Di Peringkat Ijazah Kedoktoran (Ph.D) Dalam Tempoh Dan Kurang Dari Tempoh Yang Ditetapkan Di Dalam Perjanjian Cuti Belajar Universiti Malaysia Pahang untuk makluman dan tindakan tuan/puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,



(WAN ABDUL RASHID BIN WAN ABDUL RAHMAN)

Timbalan Pendaftar Kanan
Bahagian Khidmat Pengurusan
b.p Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang

s.k : Naib Canselor

M/sms
d: Pekeliling/ surat/ 2014

PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL 2 TAHUN 2014

**PEMBERIAN INSENTIF KECEMERLANGAN KEPADA STAF DAN FELO YANG BERJAYA
MENAMATKAN PENGAJIAN DI PERINGKAT IJAZAH KEDOKTORAN (Ph.D) DALAM
TEMPOH DAN KURANG DARI TEMPOH YANG DITETAPKAN DI DALAM PERJANJIAN
CUTI BELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua warga Universiti Malaysia Pahang berhubung dengan Pemberian Insentif Kecemerlangan Kepada Staf Dan Felo Yang Berjaya Menamatkan Pengajian Di Peringkat Ijazah Kedoktoran (PhD) Dalam Tempoh Dan Kurang Dari Tempoh Yang Ditetapkan Di Dalam Perjanjian Cuti Belajar Universiti Malaysia Pahang.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Kali ke 19 Bil 2/2013 bertarikh 20 September 2013 telah meluluskan Pemberian Insentif Kecemerlangan Kepada Staf Dan Felo Yang Berjaya Menamatkan Pengajian Di Peringkat Ijazah Kedoktoran (Ph.D) Dalam Tempoh Dan Kurang Dari Tempoh Yang Ditetapkan Di Dalam Perjanjian Cuti Belajar Universiti Malaysia Pahang.
- 2.2 Pemberian insentif kecemerlangan kepada staf dan felo yang berjaya menamatkan pengajian di peringkat Ijazah Kedoktoran (PhD) dalam tempoh dan kurang daripada tempoh yang ditetapkan di dalam Perjanjian Cuti Belajar Universiti Malaysia Pahang ini setelah membuat perbandingan di antara kos sebenar pengajian dengan kadar bayaran insentif kecemerlangan yang dibayar dan mengambil kira perbandingan pemberian insentif kecemerlangan dengan Institusi Pengajian Tinggi Awam yang lain.

3.0 JUSTIFIKASI

- 3.1 Bagi memastikan pelaksanaan program "My Brain 15" iaitu melahirkan 60, 000 PhD menjelang 2023 tercapai .

- 3.2 Selaras dengan usaha kerajaan untuk meningkatkan bilangan pensyarah IPTA yang berkelayakan Ph.D sehingga 75% menjelang 2020.
- 3.3 Memastikan komitmen calon-calon yang telah ditaja untuk melanjutkan pengajian sentiasa berada pada tahap yang tinggi dan menggalakkan mereka untuk menamatkan pengajian dengan jayanya.
- 3.4 Memberi penghargaan kepada staf dan Felo yang berjaya menamatkan pengajian sebagaimana tempoh di dalam Perjanjian Cuti Belajar Universiti Malaysia Pahang.

4.0 PEMBERIAN INSENTIF KECEMERLANGAN

- | | | |
|-----|--|--------------|
| 4.1 | Tamat dalam tempoh 36/42/48 bulan (asal) | : RM3,000.00 |
| 4.2 | Tamat 1 bulan awal dari tempoh kelulusan asal | : RM4,000.00 |
| 4.3 | Tamat 2 bulan awal dari tempoh kelulusan asal | : RM5,000.00 |
| 4.4 | Tamat 3 bulan awal dari tempoh kelulusan asal | : RM6,000.00 |
| 4.5 | Tamat 4 bulan awal dari tempoh kelulusan asal | : RM7,000.00 |
| 4.6 | Tamat 5 bulan awal dari tempoh kelulusan asal | : RM8,000.00 |
| 4.7 | Tamat 6 bulan awal atau lebih dari tempoh kelulusan asal | : RM9,000.00 |

5.0 TARIKH KUATKUASA

- 5.1 Pekeliling Pentadbiran ini berkuatkuasa mulai 20 September 2013.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menjalankan tugas,


(HAJI MUSTAFA BIN IBRAHIM)

PENDAFTAR

Tarikh : 17 MAR 2014

Edaran kepada :

Penolong Naib Canselor (Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti)

Bendahari

Ketua Pustakawan

Semua Dekan/Pengarah/Ketua Jabatan

Salinan Kepada :

YH Dato' Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)